

PEMIKIRAN KEPERLUAN MANUSIA DALAM KOLEKSI LAMA CERITA BERBAHASA MELAYU DI EROPAH.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

nikrafidah@gmail.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,

Awang Azman Awang Pawi

awangazman@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,

ABSTRAK

Pemikiran dalam konteks kajian ini merujuk kepada idea masyarakat Melayu nusantara menggunakan akal fikiran memperlihatkan persoalan semasa dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya, dan pemikirannya itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau keluar daripada masyarakatnya untuk dijadikan panduan dalam meneruskan kelangsungan hidup. Dalam pembincangan ini, aspek keperluan manusia tidak diabaikan. Sastera dan psikologi pada dasarnya merupakan dua bidang yang berbeza tetapi mempunyai satu titik temu yang sama. Dua disiplin ilmu ini berbicara tentang manusia dan kehidupannya. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis pemikiran keperluan manusia dalam koleksi lama cerita berbahasa Melayu di Eropah. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori psikologi Maslow. Dapatan kajian menunjukkan dalam koleksi cerita ini masyarakat sejak dari dahulu lagi tidak mengabaikan keperluan manusia dalam kehidupan.

Kata kunci: *Pemikiran, Keperluan Manusia, Psikologi, Koleksi Melayu Lama Eropah.*

Pengenalan

Secara umumnya, pemikiran berasal daripada perkataan “fikir” atau *think*. Menerusi perkataan tersebut, lahir perkataan berfikir, memikir, terfikir, pemikiran dan pemikir. Mohd Yusof Hasan (2007:1) menjelaskan bahawa akal adalah bentuk fizikal, manakala minda pula adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Konsep pemikiran sering dikaitkan dengan konsep minda, yang menyatakan minda adalah anugerah Tuhan yang berkait rapat dengan pemikiran, ingatan dan emosi. Tambah beliau, pemikiran adalah sebahagian daripada proses minda yang berlaku dalam otak. Dapatlah disimpulkan bahawa, pemikiran merupakan proses menggunakan akal fikiran untuk menghasilkan sesuatu perkara atau penyelesaian dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Selain itu, pemikiran menurut Adam Kuper dan Jessica Kuper (2000:667), menyatakan *mind* (fikiran) berasal daripada bahasa *Teotonic* kuno, iaitu *gamundi* yang bermaksud berfikir, mengingat. Seterusnya Sidi Gazalba (1973:16), mendefinisikan pemikiran sebagai satu urutan tanggapan yang tertib, yakni mengarah pada suatu tujuan yang sama. Zainal Kling (1989:18) pula menyatakan bahawa pemikiran ialah suatu kegiatan untuk membentuk satu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir bagi semua anggota masyarakat. Othman Puteh (1983:97) pula menyatakan bahawa pemikiran merupakan teras tamadun sesuatu bangsa. Oleh itu, ketinggian sesuatu bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang

menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan sebagai menganalisis diri. Pemikiran juga merupakan inti pati atau unsur yang dicetuskan oleh akal dalam memberikan penyelesaian terhadap beberapa persoalan tentang kehidupan manusia.

Oleh yang demikian, nyatalah yang disebut pemikiran itu ialah idea yang wujud daripada golongan cendekia yang telah menggunakan akalnya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya, dan pemikirannya itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau keluar daripada masyarakatnya. Dapatlah dikatakan bahawa pemikiran merupakan satu tanggapan yang tertib, mengarah kepada satu kajian yang boleh dijadikan pegangan terhadap sesuatu. Dalam pemikiran, tersusun beberapa impian dan harapan, merenung dan menerima idea dan mempunyai matlamat. Pemikiran juga berlaku sebagai proses penaakulan yang melibatkan proses berfikir dengan pertimbangan akal yang kritis dan kreatif, akhirnya menghasilkan satu penyelesaian dan keputusan yang boleh menyelesaikan masalah.

Teori Humanistik Abraham Maslow

Teori Humanistik Abraham Maslow bertujuan untuk melihat manusia sebagai insan yang baik serta mulia dan mempunyai dorongan semula jadi untuk berkembang ke arah kesempurnaan diri. Menurut beliau lagi, manusia mempunyai kehendak semula jadi yang sedia ada dalam diri dan kehendak ini wujud dalam bentuk hierarki yang mempunyai keutamaan tertentu. Dalam memahami konsep hierarki kehendak yang disarankan oleh Maslow, Mahmood Nazar Mohamed (2001:276-277) menjelaskan individu harus tahu yang manusia adalah entiti yang sentiasa berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih bermakna bagi dirinya sendiri. Abraham Maslow mengatakan yang seseorang akan bergerak dari bawah hierarki hingga mencapai tahap yang tertinggi yang terdaya olehnya. Tahap-tahap keperluan fisiologi harus dipenuhi sebelum bergerak ke arah keperluan keselamatan dan seterusnya ke tahap-tahap yang di atas. Kehendak atau keperluan utama dan perlu didahulukan ialah kehendak fisiologi.

Pada peringkat pertama, Abraham Maslow (1970:36) menegaskan bahawa kehendak-kehendaknya mempunyai desakan yang paling kuat berbanding desakan terhadap kehendak-kehendak pada peringkat yang lain. Keperluan manusia untuk hidup mencakupi keperluan-keperluan yang paling asas seperti air, api, cahaya, udara dan angin. Walau bagaimanapun, dalam konteks kehidupan manusia, keperluan paling asas ini dirumuskan sebagai makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Tanpa keperluan-keperluan ini, manusia tidak dapat hidup dengan sempurna dan selesa. Setelah keperluan asas dicapai, manusia perlu mencari keselamatan dalam hidup, kestabilan kerja, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman luaran mahupun dalaman. Tahap keselamatan ini amat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Kehendak atau keperluan kedua ini bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan aspek emosi. Kehendak ini lahir dari desakan nurani manusia sendiri yang lazimnya tidak akan selesa kalau hidupnya sering diburu ketakutan, kebimbangan dan rasa yang serba tidak menentu. Bagaimanapun, Abraham Maslow (1970:43) berpendapat bahawa kehendak keselamatan tidak akan mendapat keutamaan selagi kehendak fisiologi masih belum dipuaskan.

Bentuk-bentuk kehendak keselamatan yang diingini oleh manusia pada peringkat ini ialah seperti keselamatan fizikal, kestabilan politik, ekonomi, mendapat perlindungan undang-undang, bebas meluahkan pendapat, tidak berada dalam ketakutan, bimbang dan perasaan tidak menentu. Tegasnya, manusia ingin memastikan dirinya berada dalam suasana

persekitaran yang stabil, konsisten dan selamat. Aspek keselamatan juga merangkumi keselamatan mental dan spiritual. Rasa tegang, bimbang dan takut akan mengakibatkan manusia terikat pada kedudukan ini dan kerap mempamerkan sikap negatif. Akibatnya mereka sukar bergerak untuk mencapai kehendak-kehendak pada peringkat seterusnya.

Pada peringkat ketiga adalah keperluan kasih sayang. Abraham Maslow (1970: 43) menyatakan dalam memenuhi keperluan kasih sayang, manusia memerlukan hubungan dengan insan lain. Keperluan kasih sayang dapat dibahagikan kepada dua jenis kasih sayang iaitu *D-Love (deficiency-love)* dan *B-Love (Being-love)*. *D-Love* ialah apabila individu itu lebih mementingkan diri sendiri daripada memberi kasih sayang kepada orang lain. Manakala *B-Love* pula ialah individu lebih mengambil berat akan memberi kasih sayang kepada orang lain daripada menerima kasih sayang daripada orang lain semata-mata (Abraham Maslow, 1970: 44).

Dalam hal ini, Abraham Maslow (1970: 44) menegaskan bahawa lumrah manusia ialah untuk hidup berkelompok dan diterima sebagai sebahagian kasih sayang dan perasaan dimiliki setelah dia tidak bimbang lagi mengenai keperluan fisiologi dan keselamatan juga terjamin. Lazimnya manusia menginginkan kasih sayang daripada seseorang yang rapat dengannya seperti ibu bapa, adik beradik, saudara mara dan teman-teman. Selain itu, manusia juga berkeinginan untuk menjalin persahabatan yang istimewa dengan seseorang dari jantina yang bertentangan. Dalam keadaan seperti ini, proses sosialisasi akan lebih pantas mencapai tahap kematangan dan seterusnya memenuhi keinginan untuk mendapatkan kasih sayang dan keinginan untuk dipunyai. Hal ini menyebabkan manusia tidak boleh tinggal bersendirian.

Pada tahap seterusnya adalah kehendak untuk penghargaan diri. Setiap individu mahu berkuasa sekurang-kurangnya ke atas diri sendiri. Pada masa yang sama, individu juga perlukan kekuatan, kebolehan, kepakaran dan kebebasan. Menurut Abraham Maslow (1970:45) keadaan ini akan dinikmati manusia dalam dua keadaan. Pertama, apabila dia mendapati orang yang melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, pemahsyuran, penghargaan dan kebesaran. Kedua, manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya. Peringkat keempat adalah keperluan penghargaan sendiri. Manusia sebagai hidupan yang lumrahnya ingin dihargai. Perkara ini dilihat baik dari aspek fizikal mahupun aspek emosi.

Sehubungan dengan itu, kaedah-kaedah kaji diri perlu bagi memahami tujuan hidup. Untuk mencapai sesuatu matlamat manusia perlu peka dengan keadaan alam sekeliling di mana sedikit sebanyak boleh mempengaruhi diri seseorang (Mohd Salleh Lebar, 1994:17)



Rajah 2 : Model Hierarki Maslow
Sumber : Mohd Salleh Lebar (1997:17)

Teori humanistik Abraham Maslow mampu menjelaskan keunikan setiap individu dan ia berjaya memperkenalkan kaedah untuk membantu manusia menggunakan potensi mereka secara maksimum. Kehendak manusia bergerak secara serentak. Seseorang individu yang menginginkan kehendak penghargaan sendiri juga memerlukan keperluan lain seperti fisiologi, keselamatan dan kasih sayang dan rasa dicintai dan mencintai.

Dapatan Kajian

Perbincangan bab ini akan membincangkan pemikiran yang terdapat dalam cerita berbahasa Melayu ini. Seterusnya, pemikiran yang di utarakan akan di pecahkan kepada empat aspek iaitu sosiobudaya, sosioekonomi, sosiopolitik dan keagamaan. Menurut Diana Laurenson & Alan Swingewood (1972: 12), gambaran umum tentang sesuatu masyarakat itu dapat dikesan melalui penelitian terhadap institusi sosial, kepercayaan, ekonomi dan politik dalam sesebuah masyarakat itu. Maka pemikiran yang di ungkap dalam cerita berbahasa Melayu ini akan dianalisis berdasarkan kepada Teori Humanistik Maslow. Hal ini kerana pemikiran yang terungkap dalam sesebuah cerita adalah dalam pelbagai bidang. Perkara ini ditegaskan oleh S.Othman Kelantan (1997: 12-16) bahawa pemikiran dalam karya sastera secara umumnya meliputi persoalan yang berhubung dengan masyarakat, moral, agama, politik dan ekonomi. Hal ini turut disokong oleh Mohd Taib Osman (1988: 47) bahawa pemikiran berkaitan dengan sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik adalah saling mempunyai kaitan. Umpamanya sejarah budaya misalnya berkaitan dengan perubahan budaya dan politik. Dalam membicarakan nilai sosial pula, tidak terlepas dalam soal agama dan kepercayaan. Begitu

juga dengan perubahan sosiobudaya yang berkembang dari semasa ke semasa. Namun dalam kertas kerja ini, beberapa aspek yang akan dilihat berhubung dengan kekeluargaan, masyarakat yang tidak berilmu, masyarakat yang berilmu, dan persoalan sosial.

Karya yang tercetus selalunya berkaitan dengan aktiviti kehidupan seharian sesebuah masyarakat tidak mengira dahulu atau sekarang. Menurut Mana Sikana (1990:144), keutamaan sesebuah tema ini melibatkan soal-soal pergaulan, kekeluargaan, pendidikan dan sebahagian besar penceritaan tertumpu pada kehidupan manusia yang menjadi amalan secara berterusan dalam sesebuah masyarakat itu. Kehidupan ini merangkumi cara bertindak, kelakuan, dan cara berfikir serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, Hashim Awang (1981:25) menjelaskan kehidupan sosiobudaya turut merangkumi aspek moral iaitu kebaikan berbudi bahasa, sabar, murah hati, jujur dan lain-lain lagi yang menggambarkan diri dalam keseluruhan kehidupan bagi sesuatu kumpulan masyarakat dan bangsanya. Justeru, kajian ini melihat sosiobudaya dari aspek kekeluargaan.

Kekeluargaan

Sistem kekeluargaan sangat penting dalam meneruskan kehidupan sosial dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Menurut Erich Goode (1981:326), keluarga merupakan satu kelompok sosial yang bersama-sama di bawah satu bumbung serta mempunyai kerjasama dalam kegiatan ekonomi. Selain itu, Abdul Halim Othman (1993:62) menyatakan bahawa keluarga merupakan sebuah institusi yang dinamik dan terdapat perbezaan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain kerana faktor struktur sosial, nilai, kebudayaan, agama, taraf ekonomi, pekerjaan dan pendidikan. Oleh yang demikian, terdapat pemikiran berkaitan kekeluargaan yang ditemui dalam teks ini.

Antara pemikiran berkaitan keluarga yang ditemui seperti pemikiran pengabaian keluarga iaitu pengabaian ibu terhadap anaknya dan bapa terhadap anaknya. Pemikiran ini diutarakan oleh pengarang dalam cerita *Hormatilah Bapamu Serta Ibumu supaya Engkau Berbahagia dan Panjang Umurmu Di Tanah Di Mana Tuhan Allah Biarkan Engkau Hidup*. Hal ini dapat di lihat dalam contoh petikan di bawah :

“...sekarang ini sudah dua tiga tahun lamanya yang saya membahagi hartaku kepada segala anakku. Adapun anakku yang tua sudah janji mahu memelihara aku dengan sebaik-baik sampai aku mati. Tetapi sekarang ini tiada ia mahu, ia sudah membuang aku.”

(Hormatilah Bapamu Serta Ibumu supaya Engkau Berbahagia dan Panjang Umurmu Di Tanah Di Mana Tuhan Allah Biarkan Engkau Hidup)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas memperlihatkan pemikiran tentang pengabaian anak terhadap orang tua sehingga merenggangkan hubungan dalam kekeluargaan. Hal ini dikesan melalui watak si anak yang tidak mahu menjaga kebajikan orang tua dan membiarkannya keseorangan tanpa jagaan walaupun orang tuanya itulah yang membesarkan. Menurut M. Mumandar Soelaeman (1987:57), cinta ibu bapa kepada anaknya merupakan dorongan fisiologi kerana ibu yang mengandungkan, melahirkan dan menyusukan anaknya itu. Dorongan kebapaan pula lebih kepada dorongan psikik. Jika dilihat dari sudut psikologi Maslow, orang tua itu inginkan kasih sayang daripada anak-anaknya. Menurut Maslow

(1970:44), keperluan kasih sayang merupakan keperluan yang sangat diperlukan oleh setiap manusia di muka bumi ini. Menurutny lagi, sekiranya keperluan ini tidak dapat dipenuhi manusia akan rasa gelisah, kecewa dan tidak tenteram. Ia juga menyebabkan gangguan emosi.

Kekeluargaan bersifat negatif pula turut diungkap dalam karya ini sebagai sindiran dan renungan kepada masyarakat. Melalui kekeluargaan bersifat negatif ini memperlihatkan ketua keluarga yang menderhaka kepada ibu bapanya. Pengarang mengutarakan permasalahan ini dalam cerita *Janganlah Bengis Kepada Orang Tua*. Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah :

“Adapun ujar anaknya, orang tua ini tiada berguna lagi, ia memecahkan segala mangkuk, aku tidak dapat menahan lagi, aku hendak sediakan dulang kayu kepadanya. Maka jadilah orang tua itu setiap kali mendapat makanannya di dalam tempat kayu itu.

...maka disangkanya adat segala orang tua, lalu dicarinya kayu hendak dijadikan dulang kecil jua. Maka bapanya melihat perbuatan itu bertanyalah ia kepadanya, Ya anakku, apakah itu yang dikerjakan olehmu? Maka sahutlah anaknya; saja kerja dulang, supaya bapa boleh pakai itu, apabila bapa sudah tua, seperti nenekku jua.

(Janganlah Bengis Kepada Orang Tua)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas menunjukkan sikap negatif seorang bapa yang ditunjukkan di hadapan anaknya. Rintihan seorang bapa yang sudah tua tidak dipedulikan olehnya sebaliknya mengasingkan bapanya dari mereka sekeluarga. Sehubungan itu pengarang menerapkan pemikiran tentang pentingnya kasih sayang dalam hubungan kekeluargaan. Ini selaras dengan pendapat Maslow yang mengatakan kasih sayang merupakan satu unsur penting dalam kehidupan. Dalam cerita ini memperlihatkan seorang bapa yang hilang kasih sayang seorang anak apabila sudah tidak berupaya.

Masyarakat yang tidak berilmu

Pendidikan dalam sesebuah masyarakat memerlukan sistem nilai yang mampu dikembangkan dan disuburkan supaya warganya memiliki etika yang tinggi dalam kehidupan. Pendidikan juga merupakan satu proses menimba ilmu terpenting dalam kehidupan manusia. Proses pendidikan akan berlaku sepanjang hayat manusia. Bermula di dalam kandungan ibu sehingga akhir hayat. Fasa pendidikan tersebut akan berlangsung dalam kehidupan manusia sama ada secara formal ataupun tidak formal. Manusia itu akan dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Melalui cerita *Seorang Yang Bebal*, pengarangnya menyelitkan pemikiran mengenai masyarakat yang tidak berilmu. Hal ini dapat di lihat dalam contoh petikan di bawah :

“...dimanakah engkau sudah beli angsa yang bagus itu, tanyalah tukang itu. Tidak aku beli, sahutlah Hans, aku sudah menukarkan itu dengan seekor kambing. Dari manakah kambing? Itu aku sudah menukar dengan seekor sapi. Dari manakah sapi? Itu aku sudah menukar dengan seekor kuda. Dari manakah kuda?itu aku sudah membeli dengan segumpal emas, besarnya kepada anak kecil. Dari manakah emas itu? Itulah upahku akan tujuh tahun.

Lalu berjalanlah ia sampai ke negeri ibunya serta tiada membawa barang apa-apa.”

(*Seorang Yang Bebal*)

Berdasarkan contoh petikan di atas pengarang melakarkan masyarakat yang tidak berpendidikan senang di tipu dalam apa jua perkara. Hal ini dikesan kepada watak Hans yang ditipu oleh orang yang mementingkan diri sendiri daripada mempunyai emas segumpal dan akhirnya hilang tiada apa-apa. Disebabkan tiada pendidikan golongan seperti Hans sering di pergunakan untuk kepentingan masing-masing. Pelajaran merupakan salah satu keperluan yang sangat diperlukan oleh seseorang sepertinya. Hal ini kerana, sekiranya seseorang itu mempunyai pendidikan akan memperlihatkan manusia itu di hargai dan di hormati (Maslow, 1970:45). Hal ini selari diperkatakan oleh Abdul Salam Yussof (2003: 91), bahawa manusia dianggap berilmu selagi ia sentiasa menuntut ilmu, sebaliknya jika ia menyangka sudah berilmu maka dikira bodoh yakni tidak berilmu.

Masyarakat yang berilmu

Dalam cerita *Katak Perangi Mesir* dilihat pengarang ada menyelitkan tentang masyarakat bijak pandai. Hal ini dapat dilihat kepada watak katak yang telah di rendah-rendahkan oleh gajah hanya kerana fizikalnya kecil berbanding gajah yang sedia maklum besarnya. Oleh yang demikian katak telah menyatakan mampu untuk menjatuhkan Mesir. Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah :

“...hai yang tiada berakal jangan ingat engkau besar, kerana bukit lebih seribu kali pandanganku kerana tiada sekali mencelik jalan atasnya itu engkau pun melihat aku kecil jangan kata serupamu, negeri Mesir yang besar dapat jua ku alihkan dengan seorang...”

Pergi dapat satu rumah orang pelihara lembu ada laki tinggal api, maka katak tolak-tolak api kepada dinding yang kandang-kandang lembu itu, maka bernyala api itu dilihat oleh gajah dan harimau dan sekalian maka berdahulu berlari ambil rampasan dilihat oleh orang Mesir. Gajah dan harimau masuk di dalam negeri dan lari lah semuanya dari sebab takut akan baik mereka siap masuk ke kiri itu, kira-kira gajah dan harimau maka orang Mesir takut akan katak maka katak itu dijadikan raja segala binatang.”

(*Katak Perangi Mesir*)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas pengarang melakarkan watak gajah yang sombong dan merendahkan katak hanya berbadan kecil. Menggunakan akal yang cerdas, katak akhirnya terjumpa satu rumah yang didiami oleh seorang penggembala lembu. Katak akhirnya menolak rimbunan api lalu terkena kandang lembu dan akhirnya terbakar. Di sini memperlihatkan kecerdikan seekor katak walaupun mempunyai saiz badan yang kecil. Jika di lihat dari sudut psikologi Maslow, katak mempunyai keperluan penghargaan sendiri yang tinggi. Hal ini kerana, katak menyahut cabaran gajah untuk membuktikan walaupun kecil dapat jatuhkan negeri Mesir. Menurut Abraham Maslow (1970:45), penghargaan sendiri ini diperoleh apabila orang lain menghormati kita dan kita menghargai diri sendiri. Penghargaan sendiri bermaksud keinginan kepada penilaian yang tinggi, stabil dan kukuh terhadap persepsi yang di buat ke atas dirinya. Hal ini yang dilakukan oleh katak untuk membuktikan bahawa dia juga seorang yang kuat walaupun berhelah.

Seterusnya dalam cerita *Saudagar Mesir (Pencuri) jadi Raja* juga turut menyelitkan tentang masyarakat yang bijak pandai. Hal ini memperlihatkan akal memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang. Tanpa akal manusia tidak akan dapat berfikir dengan rasional. Hal ini yang terjadi kepada saudagar Mesir. Walaupun beliau seorang pencuri akhirnya beliau menjadi seorang raja dengan menggunakan akalnyanya. Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah :

“tiada yang jaga tiba-tiba maka sampailah tuan puteri kepada parit rumah pencuri dan pencuri pun naik siap di luar itu maka tuan puteri kami hendak bersua dengan engkau....

Waktu pulang sampai di pintu muka di taruk cap pada pintu pencuri itu setelah sudah lepas tuan puteri itu pulang maka berfikir pencuri itu sahaya sudah terkena maka diambilnya pelita disuluh mana-mana tempat, maka dilihatnya pada pintu sudah di taruk cap nama puteri, maka dengan segera pencuri turun dan menirukan cop itu dengan serupa betul. Setelah sudah maka di taruknya pada segala pintu-pintu orang kedai.”

(Saudagar Mesir(Pencuri)jadi Raja)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas pengarang mempamerkan masyarakat yang bijak pandai dalam mendapatkan sesuatu dan sebaliknya. Pengarang melakarkan otak yang geliga kepada si pencuri. Hal ini dapat dikesan apabila pencuri mengetahui bahawa tuan puteri meletakkan cap di pintu rumahnya untuk memerangkapnya. Oleh sebab itu, pencuri turut meniru cap tuan puteri lalu mengecop di setiap pintu kedai di kawasan itu. Hal ini menyebabkan pengawal di raja tidak dapat menangkap pencuri yang sebenar kerana terlalu banyak pintu yang di cap nama puteri. Di sebabkan kepandaiannya saudagar itu terlepas dan akhirnya beliau dikahwinkan dengan tuan puteri dan menjadi raja di negeri Mesir. Jika dilihat dari sudut psikologi Maslow, saudagar di lihat mempunyai keperluan penghargaan diri yang tinggi. Hal ini kerana, walaupun dia seorang pencuri beliau mampu mengangkat martabatnya dengan lebih tinggi. Menurut Abraham Maslow (1970:45), seseorang itu mempunyai keinginan untuk mendapatkan nama yang baik, berprestij, status, dominan, persetujuan dan perhatian. Hal ini yang dilakukan oleh pencuri dalam mengubah kehidupannya agar menjadi lebih baik.

Gejala Sosial

Gejala sosial dilihat sebagai satu perlakuan manusia yang terkeluar dari batas-batas normal dan diterima umum baik dari aspek agama, sosial serta budaya kehidupan masyarakat (Hamzah, 2003). Gejala sosial adalah perlakuan yang dilihat tidak membawa sokongan atau keuntungan kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan sesuatu masyarakat atau negara. Gejala sosial boleh ditakrifkan sebagai kegiatan salah laku yang melanggar tabii, fitrah atau lumrah kehidupan manusia yang telah menjadi kebiasaan (Sumarni Dahrir dan Norhan Yusof, 2002:18). Dalam konteks kajian ini terdapat gejala sosial yang di temui dalam cerita lama ini, antaranya gejala mencuri.

Akhlag negatif lain yang menjadi pemikiran pengarang dalam teks kajian ialah perbuatan mencuri. Kegiatan mencuri membawa kesan negatif kepada masyarakat. Hal ini dapat di kesan dalam cerita *Adat Negeri, Bagaimana Orang Besar Di Tanah Istanbul Biasa*

Menghukum apabila seorang saudagar datang ke sebuah negeri dan telah kehilangan barang dan kudanya. Barang dan kudanya telah di curi orang semasa saudagar itu merehatkan diri di sebatang pokok. Hal ini dapat di kesan dalam contoh petikan di bawah :

“sudah itu maka ia berbaringlah dirinya dekat kudanya lalu tidur. Tetapi apabila ia bangun pada esok hari, maka kudanya serta barangnya sudah hilang.

(Adat negeri, Bagaimana Orang Besar Di Tanah Istanbul Biasa Menghukum)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas memperlihatkan barang dan kuda saudagar di curi ketika beliau tidur. Kesan daripada itu saudagar tidak mampu meneruskan perjalanannya kerana tiada lagi kuda untuk di naikinya. Jika dilihat dari sudut psikologi Maslow, manusia memerlukan jaminan fisiologi iaitu makanan dan kenderaan untuk meneruskan perjalanan hidup sama seperti yang berlaku kepada saudagar itu. Beliau memerlukan keperluan itu untuk meneruskan perjalanannya. Menurut Mohd. Salleh Lebar (1994:17), keperluan ini merupakan keperluan asas untuk manusia mencapai penyempurnaan sendiri.

Selain itu, gejala mencuri juga dapat di lihat dalam cerita *Ikan Limbat Bersahabat dengan Tupai*. Melalui cerita ini memaparkan kesetiaan ikan limbat dan tupai dalam bersahabat. Mereka sanggup berkorban untuk kesenangan seorang sahabat. Hal ini dapat di kesan dalam contoh petikan di bawah :

“...ya sahabat ikan limbat tolonglah carikan sahaya sebiji telur ayam kerana memperbuat ubat kepada sahaya kalau tiada dapat tentu sahaya sakit keras.

...datang satu orang mengambil air sungai maka tengah dia ambil itu air ikan limbat itu pun masuklah ke dalam buyung orang itu, dan di bawa oleh orang itu ke rumahnya, adapun buyung itu diletakkan oleh orang itu di dalam tempat ayam bertelur, maka ikan limbat itu pun melompat mengambil telur ayam itu dan kembali masuk ke dalam buyung itu...maka limbat pun mengasi telur kepada tupai.”

(Ikan Limbat Bersahabat dengan Tupai)

Berdasarkan contoh petikan di atas dari satu sudut dapat dikesan bahawa sikap ikan limbat yang mencuri telur ayam itu adalah salah. Namun, dari satu sudut yang lain ikan limbat ingin berjasa kepada sahabatnya. ‘Telur’ merupakan keperluan bagi tupai untuk meneruskan kelangsungan hidup. (pulih dari sakit). Dalam hal ini, Maslow (1970:36) tidak menafikan makanan untuk dijadikan ubat merupakan keperluan bagi manusia untuk melangsungkan kehidupan.

Seterusnya, perbuatan mencuri juga turut di ungkapkan oleh pengarang dalam cerita *Burung Hantu Berperang dengan Gagak*. Melalui cerita ini dapat disimpulkan bahawa burung hantu selalu mencuri harta rampasan keluarga burung gagak. Oleh yang demikian, raja burung gagak telah membuat satu rancangan untuk memerangkap burung hantu. Atas kepandaian burung gagak, burung hantu akhirnya mati dalam gua kerana tidak keluar dari situ. Contoh perbuatan mencuri burung gagak dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah :

“...burung gagak kerana malam dia cari makan dan burung hantu diam pada suatu gua di dalam pada suatu malam. Maka dia pergi perang serta ambil harta rampasan anak bini gagak maka raja burung kalau terlalu banyak susah kemudian berdatang sembah menteri ...”

(Burung Hantu Berperang dengan Gagak)

Berdasarkan contoh petikan di atas, menjelaskan perbuatan burung hantu yang suka mencuri harta rampasan burung gagak. Jika dilihat dari sudut psikologi Maslow, perbuatan burung hantu di lihat sebagai satu keperluan yang di perlukan olehnya iaitu keperluan fisiologi. Menurut Maslow (1970:37), kesemua keperluan ini termasuk dalam keperluan untuk memuaskan individu daripada kelaparan. Oleh yang demikian, burung hantu mencuri harta rampasan burung gagak adalah untuk meneruskan kehidupannya. Untuk meneruskan kelangsungan hidup individu itu akan melakukan apa sahaja sama ada sesuatu yang baik mahupun buruk.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap koleksi cerita Melayu lama yang telah disusun pada abad ke-19 menunjukkan masyarakat Melayu pada ketika itu ada membicarakan tentang keperluan hidup manusia sama ada secara sedar ataupun tidak. Manusia secara lahiriahnya memerlukan beberapa keperluan dalam hidup seperti kasih sayang, inginkan jaminan keselamatan, keperluan asas, rasa dihargai dan cuba untuk mencapai sesuatu yang terbaik. Namun, tidak dapat dinafikan dalam menelusuri kehidupan pelbagai ranjau terpaksa mereka tempuhi. Kebijaksanaan dalam menguruskan kehidupan tercermin daripada pelbagai perlakuan watak.

Bibliografi

- Abdul Wahab Ali. 1989. *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd Rashid. 2001. *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Salam Yussof. *Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2003
- Adam Kuper & Jessica Kuper. 2000. *Ensiklopedia Ilmu-ilmu Sosial*. Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada.
- Amida Abdul Hamid. 2004. *Persoalan Dendam dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- An-Najwa Ismail. *Kasih Sayang Kunci Kebahagiaan*. Selangor: Galeri Watikah, 1988
- Diana Laurenson & Alan Swingewood . 1972. *The Sociology of Literature*. London: Paladin.
- Faridah Taib dan Zuraidah Ali. 1995b. *Keluarga Bahagia*. Petaling Jaya: Penerbitan Pinang.
- Ghazali Darussalam. 1997. *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Harcharan Singh Khera. 1980. *Prinsip-prinsip Ekonomi*. Petaling Jaya: Khera Sdn.Bhd.
- Ismail Hamid. 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jeniri Amir. 2005. *Politik Dalam Novel*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Johari Alias. 2003. *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 1998. *Esei-esei Politik*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. 1990. *Sastera Melayu Moden: Perubahan dan Tamadun*. Bangi: Penerbit karyawan.
- Maslow, Abraham H. 1970. *Motivation and Personality 2nd Edition*. New York: Harper & Row Publisher.
- M. Mumandar Soelaeman. 1987. *Ilmu Budaya Dasar Suatu Pengantar*. Bandung: Penerbit PT Eresco Bandung.
- Mohd Salleh Lebar. 1997. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Yusof Hassan. 2007. *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakub. 1987. *Pengantar Sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Othman Puteh. 1983. *Pengarang-pengarang Wanita: Perakam Realiti Kehidupan Golongannya dalam Dewan Sastera*, Jan 1983.
- Ramli Isin. 1997. *Novel Melayu Mutakhir, Tema dan Persoalan Karya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sayid Mujtaba Musavi Lari. 1995. *Psikologi Islam. Membangun Kembali Moral Generasi Muda*. Terj. Satrio Pinandito. Peny. Ali Husain. Bandung:Pustaka Hidayah.
- Sidi Gazalba. 1973. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Jakarta: Yayasan Adikarya Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI)
- Sidi Gazalba. 1986. *Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sosiografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. 1997. *Pemikiran Satira dalam Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumarni Dahrir dan Norhan Yusof. 2002. *Matlamat dan Implikasi Kokurikulum Terhadap Pelajar. Kokurikulum: Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 15-24.

Suhaimi Mansor. 1991. *Jalan Pintas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Kling. 1989. *Pemikiran Sosiopolitik Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.